

19 JUL 2000

Umno-Konvensyen

NILAI ISLAM ASAS PEMBANGUNAN KEDAH, KATA MENTERI BESAR

ALOR SETAR, 19 Julai (Bernama) -- Kedah harus menjadikan nilai Islam sebagai asas dalam merangka pendekatan pembangunan negeri sejajar dengan kehendak penduduknya seperti yang ditunjukkan melalui keputusan pilihan raya umum lalu.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata Kedah perlu mengguna pakai pendekatan pembangunan yang holistik dan bersepadu.

Kemajuan yang hendak dikecapi hendaklah sejajar dengan kesempurnaan hidup rakyat berteraskan nilai budaya Melayu dan agama Islam, katanya dalam ucapan utama pada Konvensyen Umno Kedah 2000, di sini.

"Keputusan pilihan raya umum ke-10 telah memberi signal yang jelas mengenai kemahuan rakyat Kedah dan boleh dipertimbangkan untuk mengubahsuai rangka dan asas pendekatan perjuangan Umno," katanya.

Beliau berkata orang Melayu yang menjadi majoriti penduduk Kedah tidak lagi mahu Islam sebagai satu sistem kepercayaan dogmatik di pinggirannya tetapi mereka sudah yakin bahawa Islam terangkum di dalam sistem yang menyeluruh lagi perdana.

"Memandangkan kepada fenomena ini, kita haruslah jadikan nilai Islam sebagai asas yang kukuh di dalam merangka pendekatan pembangunan Kedah," katanya.

Lebih 700 pemimpin dan anggota Umno Kedah menghadiri konvensyen dua hari itu mulai hari ini, bertujuan antara lain untuk bertukar-tukar pendapat dan mengembalikan semangat perjuangan para anggota parti.

Konvensyen yang bertemakan "Umno Perjuangan Orang Melayu" itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Syed Razak juga berkata Umno Kedah perlu mengembalikan kualiti perjuangan Umno yang asal supaya perjuangan bangsa, agama dan negara dapat dihayati, diamal dan disambung terus oleh generasi sekarang.

Beliau berkata kualiti perjuangan yang lebih mementingkan parti dan negara daripada kepentingan peribadi seperti yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu hendaklah diterapkan kepada generasi kepimpinan sekarang.

-- BERNAMA

JM NMO